

# **Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non Muslim Selepas Pemeluk Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu**

*Azarudin Bin Awang*<sup>1,2</sup>

<sup>1</sup>Academy Comtemporary of  
Islamic Study, UiTM  
Terengganu  
23000, Sura Hujong, Dungun,  
Terengganu.

[azaru154@tganu.uitm.edu.my](mailto:azaru154@tganu.uitm.edu.my)  
[azarudin@um.edu.my](mailto:azarudin@um.edu.my)

*Prof Madya Dr. Khadijah Mohd  
Khambali @ Hambali*<sup>2</sup>

<sup>2</sup>Jabatan Akidah & Pemikiran  
Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, 50603, Kuala  
Lumpur.

[ijamh@um.edu.my](mailto:ijamh@um.edu.my)

## **ABSTRAK**

Perbezaan anutan agama dikenal pasti oleh ramai sarjana sebagai salah satu faktor penghalang kepada proses pemupukan integrasi dalam kalangan komuniti Saudara Muslim. Dimensi hubungan komuniti bukan Muslim dengan ahli keluarga yang Muslim membentuk citra yang sebenarnya tentang agama Islam dan masyarakat Muslim yang

selanjutnya melahirkan beberapa bentuk hubungan iaitu hubungan yang bersifat saling menyokong, neutral, tegang dan akomodasi. Perihal yang sama berlaku dalam konteks hubungan Saudara Muslim Cina dan bukan Muslim di negeri Terengganu. Hubungan tegang merupakan bentuk yang paling banyak ditemui dalam proses pembinaan semula hubungan dalam komuniti Saudara Muslim Cina dengan keluarga bukan Muslim. Objektif kajian ini ialah melihatkan bentuk-bentuk hubungan yang berlaku dalam komuniti Saudara Muslim Cina dengan komuniti asal yang bukan Muslim di negeri Terengganu. Kajian kes ini dilakukan dengan menggunakan metodologi kualitatif iaitu dengan temu bual ke atas 20 orang Saudara Muslim Cina yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Kajian ini penting dilakukan bagi melihat dan seterusnya merungkai permasalahan yang dihadapi oleh kebanyakan Saudara Muslim yang menghadapi masalah kehidupan dengan keluarga asal. Melalui pendekatan dialog antara agama diharapkan komuniti Cina di negeri Terengganu dapat hidup secara harmoni yang mana ianya akan menjadi cerminan dan terjemahan pada generasi dan masyarakat pada dekad-dekad yang mendatang.

**KATA KUNCI :** Bentuk-Bentuk Hubungan, Pemelukan Agama, Konflik, Saudara Muslim, bukan Muslim.

## **PENDAHULUAN**

Pemelukan agama Islam telah memberi harapan kepada komuniti Saudara Muslim bahawa agama tersebut satu-satunya pegangan yang akan dapat membawa keyakinan terhadap apa yang dicari-cari. Saudara Muslim atau mualaf merupakan pelaku agama (*religious actor*) yang tidak dilahirkan sebagai Muslim dan mereka diterapkan ke dalam tradisi agama yang mana mereka tidak pernah bersosialisasi dengannya. (Suraya dan Khadijah, 2012) Termasuk di sini perihal yang berlaku dalam komuniti Cina Muslim (*Chinese Converts*) memaparkan pelbagai bentuk pengalaman kehidupan baharu yang berlaku kepada penganutnya. Pengalaman ini meliputi aspek-aspek yang melibatkan hubungan inter etnik dan intra etnik khususnya yang berkait dalam kehidupan seharian (Wang, 2005b). Justeru itu, konversi agama Islam kerap kali memaparkan ketegangan yang berlaku di antara ‘pemeluk agama baharu’, ‘ahli keluarga’ dan ‘komuniti Muslim’ asal di persekitaran. Ini bermakna, dilema yang dihadapi oleh sebuah negara multi etnik

seperti isu-isu yang berkaitan konversi agama khususnya aspek yang berhubung dengan kehidupan seharian sekiranya tidak ditangani dengan baik boleh mengundang kepada variasi bentuk ancaman yang boleh mencetuskan kontroversi dan konflik. Rahimin et al. (2011) menyatakan ia memberi perspektif yang buruk terhadap hubungan antara agama di Malaysia dan mengundang kepada konflik. Beberapa contoh kes yang membabitkan penukaran agama Islam yang akhirnya terpaksa melalui proses perundangan seperti kes perebutan jenazah Moorthy, Rayapan dan Nyonya Tahir (Mohamed Azam, 2006). Justeru, artikel ini secara sosiologi mengkaji bentuk-bentuk hubungan yang wujud dalam proses pembinaan semula hubungan yang beridentitikan intra etnik dan selanjutnya untuk memahami isu-isu yang melatari permasalahan yang timbul dalam kalangan komuniti Saudara Muslim Cina di negeri Terengganu. Ini adalah kerana, masyarakat Cina secara umumnya difahami oleh para pengkaji sebagai komuniti yang memiliki semangat kepuakan yang kental di mana jua mereka berada (Wan Norhasniah, 2012). Dalam kajian yang dilakukan oleh Lam (2005), beliau mengaitkan pembinaan semula hubungan keluarga Saudara Muslim dan keluarga bukan Muslim dilihat dengan

beberapa isu besar iaitu permasalahan budaya, aplikasi suruhan dan larangan agama Islam dan pembangunan identiti. Kajian yang lain menyatakan bahawa timbul stereotaip negatif dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim bahawa konversi agama Islam akan mengubah cara hidup kelaziman yang diwarisi sejak turun temurun. Osman (1997) melihat hubungan Saudara Muslim dan bukan Muslim pasca konversi sebagai realiti sosial yang sentiasa berubah mengikut keadaan yang boleh diperhatikan melalui interaksi inter dan intra etnik. Ini terbukti apabila beliau mendapati 80-90% ahli keluarga bukan Muslim akhirnya menerima pengislaman ahli keluarga setelah melalui beberapa tempoh yang tertentu. Suraya menyatakan (2012) Saudara Muslim berdepan dengan permasalahan dalaman yang berkaitan dengan isu kekeluargaan dan juga permasalahan semasa yang melibatkan isu keagamaan dan kemasyarakatan. Sarjana lain seperti Wang (2005a), selari dengan Osman iaitu melihat komuniti Saudara Muslim berada dalam dilema apabila realiti sosial komuniti Cina yang selama ini dilihat begitu dinamik akan terdedah kepada perubahan. Hal ini melibatkan persoalan penamaan, liabiliti mualaf itu sendiri dan

penyesuaian diri dengan kehidupan yang baru.

Secara epistemologi, hubungan pemeluk agama baru dengan keluarga asal pasca konversi boleh dilihat melalui empat bentuk hubungan yakni bersifat akomodatif, konflik, neutral dan saling menyokong (Sabastian dan Parameswaran, 2007). Bagi Suraya (2012) hubungan yang bersifat akomodasi merupakan bentuk hubungan yang banyak ditemui dalam konteks pembinaan semula hubungan Saudara Muslim dan bukan Muslim. Hujah ini terdapat dalam kajian kualitatif PhDnya “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru”. Suraya menyatakan pendiriannya dalam kajian hubungan Muslim dan non Muslim di Sabah bahawa unsur-unsur perkongsian dalam bahasa dan budaya menjadikan masyarakat yang pelbagai komuniti agak mudah berkompromi; dan bersikap akomodasi terhadap perbezaan yang walaupun menganut agama yang berbeza. Ini bermakna pembinaan hubungan Saudara Muslim dan bukan Muslim pada era pasca konversi dilihat berubah-ubah mengikut masa dan keadaan. Wan Norhasniah (2012) dalam tesis PhDnya yang bertajuk “Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan

Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban” menjelaskan tentang hubungan masyarakat Melayu dan komuniti Cina yang berlaku di Malaysia. Beliau menyatakan nilai induk komuniti Melayu Muslim berasaskan budi Islam dan nilai masyarakat Cina berasaskan kepada *fillial piety* yang melahirkan nilai keCinaan yang tegar, semangat kepuakan yang kental dan sikap pragmatis dalam mencapai satu komuniti yang unggul menjadi cabaran dalam melestarikan hubungan Muslim dan non Muslim di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan sebahagian kajian yang dilakukan oleh penulis yang menyentuh tentang satu bentuk dialog antara agama yang dikenali ‘dialog kehidupan’ yang berlaku dalam komuniti Saudara Cina Muslim di negeri Terengganu. Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif pensampelan bertujuan yang merujuk satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Ahmad, 2009). Menurut Mokhtar (2011) reka bentuk kajian kualitatif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Justeru itu, kajian

yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk. Peserta kajian merupakan Saudara Muslim yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Bagi menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis, penulis menggunakan kod resp#1 hingga resp#20 sebagai ganti nama peserta kajian sebagaimana yang disarankan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009). Bilangan peserta dalam kajian ini ialah seramai 20 orang dikira mencukupi untuk tujuan kajian kes yang berbentuk kualitatif ini. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* agar wujud perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden (Ahmad, 2009). Dalam perihal ini, soalan-soalan di bina berasaskan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan. Panduan temu bual boleh dijadikan senarai semak agar nanti tidak ada maklumat yang terlepas dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperolehi telah mencapai tahap tepu (*saturation*) (Creswell, 2005). Rasional kaedah ini digunakan adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Idris (2009) bahawa

walaupun tumpuan dalam temu bual separa struktur ini adalah pada keseragaman soalan, namun jawapan dari maklumat yang diinginkan perlu diperhalusi seperti penggunaan ungkapan, istilah atau perkataan yang digunakan dalam menjelaskan sesuatu perkara. Kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil (n = 20) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Kajian rintis ke atas 5 orang Saudara Muslim Cina dilakukan bermula Februari 2012 hingga Mac 2012 sebelum temu bual sebenar dilakukan bermula 9 Oktober 2012- 15 Disember 2012.

## HASIL DAN PERBAHASAN

Hubungan Muslim-non Muslim yang baik dalam konteks umat beragama sangat diperlukan demi menjaga kelestarian keharmonian dan keamanan dalam masyarakat berkekalan. Tanpa persefahaman, tidak mungkin ahli keluarga yang berbeza agama dapat hidup bersama. Hubungan antara agama yang berlaku antara komuniti Cina Muslim dan Cina bukan Muslim adalah bersifat personal dan komunal. Dalam kata lain, bentuk hubungan intra etnik yang dipaparkan adalah bersifat

‘masalah dalam keluarga’ dan kadang kala bersifat kelompok apabila perkara ini melibatkan anggota masyarakat yang lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan hubungan Saudara Muslim Cina dengan ahli keluarga non Muslim berhadapan dengan suasana tegang. Selain berhadapan dengan kemarahan keluarga yang berulang-ulang, responden juga dipujuk agar kembali semula kepada ajaran asal. Walaupun polemik pada satu waktu pernah berlaku, namun secara umumnya boleh dikatakan bersifat harmonis. Berbeza dengan situasi pemelukan agama Islam, ianya menyerlahkan konflik dan perbezaan pendapat dalam kalangan ahli keluarga. Gambaran senario tersebut adalah sebagaimana berikut:

“Keluarga [pada peringkat awal tu memang tak boleh terima], bila dapat tahu dia memang marah lah, tak bagi kita masuk Islam ..kita nak buat macam mana memang terbuka dah hati nak masuk Islam. Masa mula-mula masuk Islam tuu duduk rumah kawan .. duduk saya dua hari saja, lepas itu balik rumah mak ... tapi mak dok (tidak) tahu lagi lah .. bila dia tahu tu [memang dia marahlah]” (Resp # 12- Hokkien, 2012)

Begitulah bunyi pengakuan responden Resp # 12- Hokkien yang telah memeluk agama

lebih daripada 20 tahun yang pada asalnya mempunyai hubungan akrab dengan ibunya. Pandangan beliau ini disetujui oleh Resp # 07-Hokkien menerusi kenyataannya seperti berikut:

“[Bila dengar nak masuk Islam tu.. mak ayah bising lah..terutamanya mak..sampai menangis-nangislah]. Masa tu Nurul kabor (bagi tahu) nak masuk Islam sebab nak kahwin dengan orang Melayu. Lepas itu, lepas mak tok leh (tidak boleh) terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... [sampailah ayah pujuk balik.. suruh masuk Buddha balik]” (Resp # 07-Hokkien, 2012)

Dalam berhadapan tempoh hubungan yang tegang ini, keluarga Saudara Baru berusaha untuk cuba memisahkan anaknya yang berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu. Menurut Giddens (1990), perkahwinan campur yang juga dikenali perkahwinan eksogami merupakan perkahwinan silang antara kaum atau perkahwinan campur yang melibatkan dua budaya yang berbeza. Perkahwinan campur ini banyak diaplikasikan dalam komuniti Saudara Muslim Cina di Terengganu sehingga melahirkan komuniti baru (kacukan Melayu-Cina). Kecenderungan kemarahan ahli keluarga bukan Muslim menjadi reda ini berkait rapat apabila

responden menerima zuriat di mana wujud keperluan satu konsensus bersama dilakukan agar ianya tidak mengundang permasalahan yang baru. Perkara ini telah dinyatakan sebagaimana berikut:

“Saya masuk Islam tanpa pengetahuan keluarga, dia tak tahu. Setelah saya kahwin, ada pekerja di Somei tu beritahu ayah saya.. jadi ayah saya terkejut.. dia mari dengan mak saya ..[dia nak pisahkan saya dengan isteri saya .. bila dapat anak yang pertama.. ibu bapa baik sedikit hubungan dengan saya]” (Resp # 16-Kantonis, 2012)

Pada peringkat permulaan, kemelut hubungan Saudara Muslim hanya bergerak di sekitar keluarga terdekat, namun begitu ianya terus berkembang apabila masyarakat Cina setempat dan rakan-rakan merencanakan lagi konflik hubungan antara Saudara Muslim dengan bukan Muslim. Hal ini boleh di fahami oleh kajian yang dilakukan oleh Wang (2005b) yang menganggap generasi komuniti Cina Muslim mengalami proses asimilasi budaya dengan masyarakat Melayu Muslim. Ini bermakna secara signifikan generasi Saudara Muslim Cina akan kehilangan pengaruh (budaya) kerana telah disesuaikan dengan budaya majoriti atau kaum yang kuat. Disebabkan kebanyakan komuniti Saudara Muslim

tinggal di tengah-tengah masyarakat Melayu, sekali gus komuniti ini beradaptasi dengan budaya masyarakat di persekitaran mereka sama ada secara cepat atau perlahan. Lantaran itu, masyarakat Cina bukan Muslim akan memanggil dengan perkataan yang tidak menyenangkan seperti ‘babi’ atau memandang serong terhadap seorang Cina yang memeluk agama Islam. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Lepas masuk Islam...[orang Cina caci saya dengan kata macam-macam, macam babi.. mak marah juga]..lepas itu saya tidak duduk di rumah.. saya tidur tempat saya kerja..lepas itu juga tauke tempat saya kerja, [pandang serong]... lepas 2 tahun baru baik semula dengan mak saya”. (Resp # 02-Hokkien, 2012)

Hubungan yang tegang biasa terjadi kerana adanya perbezaan kepercayaan dan pemikiran. Ternyata konflik akan terus berlaku selama egoisme tetap dipertahankan dengan merasakan tidak ada keperluan untuk memahami perbezaan yang ada dalam agama orang lain. Berdasarkan transkrip di bawah, Resp # 10-Hokkien mengambil sikap tidak mempedulikan sikap kemarahan keluarga terhadap pemeluk Islamnya. Hal ini dapat difahami melalui ujaran-ujaran di bawah:

“ [Masa itu saya tidak ambil peduli, dia kata apa pun saya buat tak tahu aje] .. jadi balik sekejap-sekejap begitulah .. maknanya dalam sebulan dua bulan saya balik sekali tengok ayah saya .. selepas saya balik rumah ayah saya..dia marah sangat tu tidak lah.. biarlah mu masuk Islam .. mu masuk Islam lah” (Resp # 10-Hokkien, 2012)

“Keluarga tu biasalah..kalau sebut masuk Islam [keluarga bantahlah amat sangatlah termasuk sayalah]. Masa tu dalam tempoh sebulan duduk rumah mak lagi lah..hari hari bising, macam-macam, macam pergi bomoh orang ni yang masuk Islam supaya dok masuk Islam dia buat... maknanya masyarakat Cina yang masuk Islam ni, dia pergi cari supaya dok masuk Islam, lain daripada Islam dok apa. Saya ambik masa jugak lah nak baik dengan keluarga...[lepas saya keluar rumah tiga tahun tu saya baik semula dengan keluarga]. (Resp # 17-Hokkien, 2012).

“[Mak ayah tu marah kat kita, bunyi nak tembak kita].. lepas tu 4 tahun saya dok balik, lepas bila aku balik dia dok kenal aku... lama dia check aku, aku bawak jugak ayah angkat aku baru dia rai kat aku, dia sambut moleklah dia dok marah lah”. (Resp # 20-Hokkien, 2012).

Mengambil kira ‘tinggal sebumbung’ akan menimbulkan perbalahan yang berpanjangan sekiranya kedua-dua belah pihak enggan beralah. Responden mengambil jalan keluar dengan tinggal berasingan dan dalam masa yang sama turut membentuk semacam kekuatan dalam dirinya. Ini adalah punca Resp # 17-Hokkien dan Resp # 20-Hokkien tidak tinggal lagi bersama keluarga dalam tempoh yang lama. Biar pun begitu, kestabilan keadaan telah memangkinkan semula pembinaan hubungan Saudara Muslim dengan keluarga asal. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh responden di bawah sebagaimana berikut :

“Ayah tak dok (sudah tiada).. [mak sama gok mula-mula tak boleh terima], lama sedikitkan bolehlah”. (Resp # 04-Hokkien, 2012)

“[Saya tak baik dengan ayah saya tak lama mana dalam dua tahun]. Semasa kes baik dengan ayah saya kes adik sayalah.. sebab orang nak gocoh (bergaduh)..”. (Resp # 08-Hokkien, 2012)

Selain daripada itu, bentuk hubungan yang memaparkan ‘tegang yang agak lama’ tercermin melalui tempoh konflik yang berlaku. Hubungan yang bermasalah ini memerlukan masa yang agak panjang, apatah lagi tentangan datangnya dari tokoh

yang dihormati dalam keluarga. Pendek kata, menggunakan pendekatan yang berhemah diharap akan terjalin hubungan baharu dengan sikap yang lebih terbuka terhadap perbezaan yang wujud dalam agama, namun ahli keluarga masih nekad untuk tidak menerima pengIslamannya. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana penceritaan di bawah:

“[Lama juga dekat sepuluh tahun saya] buat baik dengan mak saya.. saya bawa beras.. mak saya sakit kencing manis .. beras taj mahal”. (Resp # 07-Hokkien, 2012)

“dia kalau papa tak marah, dia adik beradik mana boleh marah [sebab kita *Chinese* keluarga ... kita kena *respect* yang tua”. (Resp # 11-Foochow, 2012)

Keunikan yang ada dalam adat resam komuniti Cina ialah orang tertua dalam keluarga dilihat mempunyai pengaruh yang sangat besar. Justeru, hasil kajian mendapati apabila orang yang berpengaruh dalam keluarga mualaf ini meninggal dunia, responden tidak lagi berhadapan halangan yang besar untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan ahli keluarga bukan Muslim yang lain.

Selain daripada itu, wujud dalam kalangan keluarga bukan Muslim



mengambil jalan untuk ‘menutup hubungan’ sungguhpun pelbagai pendekatan dan program dilakukan oleh responden, masih tiada tanda-tanda bahawa polemik itu akan terhakis atau membawa kepada hubungan harmoni yang diidam-idamkan. Abdul Halim (2012) memperincikan kenyataan ini dengan menyatakan” ugutan yang diterima dari keluarga menyebabkan Saudara Baru nekad mengambil keputusan untuk tidak lagi menghubungi keluarga asal”. Hasilnya, hubungan antara Saudara Muslim dengan ahli keluarga bukan Muslim mencipta satu masalah sosial yang dibentuk melalui perbezaan kepercayaan. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana dalam transkrip di bawah:

“Jadi saya fikir, fikir lama cukup saya fikir bertahun-tahun jugalah... mungkin saya dapat hidayah daripada Allah taala saya lari dari rumah ...[memang tidak bolehlah sebab mak kita nak bunuh kita]”. (Resp # 09-Kantonis, 2012)

“[Sekarang masih tak baik lagi, kalau mesej pun memang tak jawablah], kalau jawab memang tentanglah.. sekarang kalau saya baik pun dengan mak saudara, tok saudara..pernah lah melawat rumah, masa cutilah”. (Resp # 18 (Hokkien, 2012)

“Banyaklah cabaran... keluarga, anak dan isteri tak mahu terima saya...lepas tu saya bercerai .... [Sekarang ni macam tu juga.. keluarga masih tak boleh terima]”. (Resp # 05-Teochew, 2012)

“Kawan-kawan dari bangsa kita yang kita kenal tinggal kita dia dok suka, sebab dia kata kita nii [derhaka kepada datuk nenek kita]”. (Resp # 01-Hokkien, 2012).

Memburukkan lagi keadaan, pergolakan dalam rumah tangga Saudara Muslim turut menyumbang hubungan yang tertutup dengan antara ahli keluarga bukan Muslim (pasangan dan anak-anak) walaupun permasalahan ini dilihat sesuatu yang bersifat simplistik. Harus diakui bahawa permasalahan rumah tangga seperti perceraian memperlihatkan hampir tiada langsung usaha untuk ke arah perdamaian apabila ahli keluarga tidak mahu lagi menerima responden yang memeluk agama Islam. Ternyata sekali pemeluk agama Islam merupakan satu pengalaman dan cabaran yang besar bagi masyarakat Cina memulakan cara hidup yang baru. Permasalahan seperti menerima ugutan, pernah dipukul dan perceraian dengan pasangan asal menyebabkan dalam kalangan masyarakat Cina Muslim enggan menjalinkan hubungan semula dengan keluarga asal. Faktor penolakan yang

berpunca dari sebelah pihak keluarga asal disebabkan anggapan ahli keluarga yang memeluk Islam dianggap sebagai penderhaka atau pengkhianat kepada bangsa.

Perbezaan agama yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri memanifestasikan keragaman budaya dalam kehidupan penganutnya. Acap kali apabila sesuatu perkara itu membabitkan tentang agama Islam, perkara itu dianggap satu isu tentang komuniti Melayu. Adalah tidak menghairankan keluarga mualaf yang bukan Muslim menentang pengislaman yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Ekoran daripada itu, Saudara Baru dianggap sebagai pengkhianat kepada bangsa sendiri yang menyebabkan kalangan ahli keluarga merasa malu mempunyai ahli keluarga yang memeluk agama Islam. Dalam perihal ini, Suraya dan Khadijah (2012) menyatakan Saudara Muslim dianggap sebagai pembelot atau “*defector*” yang akhirnya menjadi salah satu faktor penyumbang kepada gejala ini berlaku kerana sikap prejudis. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Osman dan Muhamad (2008) yang menyatakan bahawa kemarahan merupakan reaksi pertama masyarakat Cina di Malaysia apabila ahli keluarga masuk Islam. Kajian

yang dilakukan oleh Wang (2005a), Osman dan Muhamad (2008), Mohd Syukri dan Osman (2003) memaparkan bahawa masyarakat Cina yang melakukan pemelukan agama berhadapan dengan konflik dengan ahli keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa pertembungan kerana perbezaan agama yang berlaku dalam keluarga mendatangkan masalah dalam pemupukan hubungan Muslim-non Muslim. Hasil kajian memperlihatkan bahawa hubungan tegang ini boleh diperincikan kepada tiga kategori iaitu hubungan tegang sementara, hubungan tegang pada tempoh yang lama dan hubungan yang tertutup. Biarapun begitu, hubungan tegang sementara merupakan ciri-ciri yang banyak ditemui dalam pengalaman pasca pemelukan masyarakat Cina di negeri Terengganu.

Bentuk hubungan yang kedua ialah hubungan yang bersifat neutral. Sabastian dan Paresmeswaran (2007) dalam kajiannya menyifatkan hubungan yang bersifat neutral sebagai interaksi yang kurang konflik dan kurang perundingan (*low conflict and low consensus*). Walaupun hubungan pasca konversi Saudara Muslim dengan keluarga asal sering kali memaparkan tentangan daripada keluarga asal, namun wujud situasi dalam kalangan keluarga yang menerima pengislamannya secara baik. Ini

sebagaimana yang dijelaskan sebagaimana transkrip-transkrip di bawah:

“Dari segi tentangan keluarga tak doklah (tidak ada) sebab emak pun masuk Islam. Cuma dari segi penghayatan agama payah tuu sikit lah...”.(Resp # 03-Hokkien, 2012)

“Saya punya keluarga banyak agama. Saya tak buat Krismas, kita buat sambut tahun baru Cina ..adik beradik punya agama dia punya lain-lain.. [mak saya *Buddhist*, bapak saya *free thinker*, adik yang *vegy (vegetarian)*]”. (Resp # 11-Foochow, 2012)

“Lebih kurang setengah tahun, saya cerita dia sebab saya nak nikah lah.. [saya punya keluarga papa tidak marah, semua keluarga tak marahlah.. ”]. (Resp # 14-Hailam, 2012)

“Keluarga saya tak ada apa, saya, tanya anak sulung saya, ini mami sudah seorang sekarang tak ada orang, tak payah fikir banyaklah anak sudah besar, dewasa. Lepas itu tanya abang no 4, [saya tanya dia, saya nak nikah lepas tu nak masuk Islam ..dia tak ada cakap apalah, ini u punya pilihan lain kali u jangan cakap banyak kata macam inilah], saya kata tak adalah *and* bulan 8/2011 I nikah. Lepas itu saya bagi abang saya marilah, dia

mari”. (Resp # 15-Foochow, 2012)

Migrasi agama kadang kala dilakukan secara rahsia demi menjaga kelestarian hubungan yang telah sedia terjalin. Hal ini dikatakan demikian kerana konversi agama memerlukan satu proses solusi secara berperingkat bagi mengecilkan sebarang bentuk konflik. Proses berperingkat bermakna semua kelompok yang berbeza agama mempunyai pertimbangan untuk meneutralkan permasalahan yang melangkaui kepentingan etnik. Responden di bawah menjelaskan sebagaimana berikut:

“Cabaran tuu tak ada lagilah, sebab saya rahsia pengislaman saya cumanya lebih bersifat untuk kebaikanlah.. berhati-hatilah dengan kebijaksanaan, apabila di ketahui oleh keluarga atau rakan-rakan .. ‘eh awak dah Islam ..tapi awak macam dulu’...”. (Resp # 06-Hokkien, 2012)

Bagi Saudara Muslim, hubungan yang neutral wujud kerana telah ada dalam ahli keluarga yang memeluk agama yang lain. Suraya (2012) menjelaskan bahawa Saudara Baru menerima hanya sedikit tekanan daripada pihak keluarga. Berdasarkan pengalaman responden, didapati ada dalam kalangan ahli keluarganya mengamalkan

*vegetarian*, Buddha dan *ateis* sedangkan beliau berpegang kepada agama Kristian sebelum memeluk agama Islam. Perkembangan hubungan yang bersifat neutral dalam kalangan Saudara Muslim dan ahli keluarga bukan Muslim banyak berhubung kait dengan penghayatan nilai toleransi dalam beragama. Biarpun berbeza agama, perkara ini bukan menjadi faktor kelompok ini berkongsi atas perasaan yang satu dan sepunya bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Bentuk hubungan yang selanjutnya ialah hubungan yang saling menyokong disifatkan sebagai interaksi yang berlaku dalam bentuk ini bersifat rendah konflik (*low conflict*) dan tinggi perbincangan (*high consensus*). Dalam kata lain, ahli keluarga melihat agama yang baru memberi faedah untuk dianuti (Sabastian dan Parameswaran, 2007). Mengambil kesempatan ke atas hubungan yang saling menyokong, di mana terbentuk satu nilai keterbukaan yang kukuh, ia ternyata memudahkan proses penghayatan agama Islam, lantas membuka ruang untuk terus meneroka agama Islam dan masyarakatnya. Responden di bawah menceritakan bahawa ibunya telah memeluk agama Islam lebih awal daripada beliau. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“...[dulu mak saya masuk Islam], kita tak ikut, kita ikut ayah kita, *so* kalau raya rumah sepupu (yang beragama Islam) saya pakai baju kurung dengan selendang, hormatlah pergi sana”. (Resp # 15-Foochow, 2012)

“Saya[ tak ada masalah dengan mak ayah, isteri saya juga tidak ada masalah kalau balik rumah mak saya]. saya tidur rumah dialah, kita boleh solat, dia masak baik punyalah, dia punya kualiti baik punya, berapa tahun dah dia tidak makan babi, kalau tahun baru Cina saya sambut juga, pergi jalan sana rumah adik, rumah sepupu”. (Resp # 19-Hakka, 2012).

Pendek kata, pada peringkat ini masyarakat Cina yang memeluk agama Islam tidak berhadapan dengan kesukaran apabila pengislaman dapat diterima baik oleh ibu dan bapa atau adik beradik. Lazimnya juga, pengalaman tinggal bersama keluarga yang berbeza agama, perkongsian aktiviti dan perkongsian budaya amat mudah dilihat dalam masyarakat yang mengamalkan sikap keterbukaan seperti ini. Dalam situasi ini, wujud kehidupan keluarga yang cukup muhibah apabila masyarakat Cina yang beragama Islam, Buddha dan Kristian boleh melaksanakan aktiviti bersama dan saling hormat-menghormati agama orang lain.

Pada peringkat ini, hubungan yang berkonsep *mutual benefits & peaceful co-existence* (saling beruntung & hidup aman bersama) mencipta impak yang positif kepada kedua-dua belah pihak (Mujibu, 2012). Malangnya, hubungan yang bersifat saling menyokong ini tidak banyak ditemui dalam konteks hubungan pasca konversi Saudara Muslim dengan komuniti non Muslim di negeri Terengganu.

Bentuk yang terakhir ialah hubungan yang bersifat akomodatif. Sabastian & Parameswaran (2007) menjelaskan bahawa ahli keluarga memperlihatkan hanya menerima sebahagian aspek-aspek kepercayaan penganut agama baru. Ibu kepada Resp # 12-Hokkien cukup menghargainya kerana kerap kali menziarahinya dan adik-beradik yang bukan Muslim yang lain. Walau bagaimanapun hubungan yang disifatkan '*high concensus*' menimbulkan ketegangan apabila interaksi yang berlaku menampakkan ahli keluarga bukan Muslim agak berat menerima beberapa amalan masyarakat Muslim. Ini bermakna, walaupun di peringkat permukaan hubungan Saudara Muslim bolehlah disifatkan sebagai tenang tetapi kadang kalanya hubungan ini bersifat kosmetik. Di dasarnya masih tersemat kuat

perasaan marah, kecewa dan tidak puas hati dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim yang akhirnya melahirkan perasaan syak dan wasangka. Dialog tersebut digambarkan dalam transkrip di bawah:

“Mak tanya buat apa pakai tudung (jilbab)? Tidak panas ke? saya kata ..[memanglah kena pakai ..kita dah Islam, aurat kita] (suasana marah)”.  
(Resp # 12-Hokkien, 2012)

Selanjutnya, dalam kes yang kedua Resp # 13-Hakka semasa berkunjung ke rumah abangnya yang beragama Buddha ketika sambutan Tahun Baru Cina. Sebagai penghormatan kepada responden yang beragama Islam, abangnya telah menempah makanan yang dimasak oleh komuniti Melayu Muslim. Walau bagaimanapun, berlaku hubungan yang tegang apabila responden enggan mengambil makanan yang disediakan oleh keluarganya. Dialog responden tersebut memperlihatkan bahawa ketegangan boleh berlaku dari kedua-dua belah pihak sama ada dari pihak keluarga asal atau Saudara Muslim sendiri. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Abang saya ada menyediakan bekas poliester sebab saya tak lalu nak makan. Sebab keluarga saya (abang) memang jenis makan

daginglah (babi), Cuma saya minum air sahaja, makan kacang, dan limau. Tiga inilah yang saya makan, abang saya makan doh, saya tidak moh (mahu) makan nasi saya dok leh nak gi (tak dapat nak menikmati)...[dia marah saya]”. (Resp # 13-Hakka, 2012)

Dari perbincangan di atas, dapat dijelaskan bahawa dalam pembinaan hubungan intra etnik yang berlaku antara Saudara Muslim Cina dan komuniti bukan Muslim di negeri Terengganu memperlihatkan kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu berhadapan hubungan yang tegang selepas melakukan pemeluk agama Islam. Hubungan tegang boleh dirincikan kepada tiga jenis iaitu hubungan tegang sementara, hubungan tegang pada tempoh yang lama dan hubungan yang tertutup. Hubungan tegang sementara merupakan ciri-ciri yang banyak ditemui dalam pengalaman pasca konversi masyarakat Cina di negeri Terengganu. Justeru, dapatan ini menjelaskan bahawa wujud perbezaan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas tentang hubungan intra etnik pasca konversi masyarakat Cina di Malaysia. Justeru itu, konflik ini dilihat satu kesukaran dalam melakukan integrasi sesama etnik

berdasarkan kepercayaan yang berlainan. Sungguhpun berlaku toleransi beragama, namun ianya hanya berlaku pada segelintir anggota komuniti dimana sikap berlapang dada ini sewajarnya amat memerlukan permuafakatan yang menyeluruh bagi mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi, cemuhan, kebencian yang seterusnya akan memusnahkan kedamaian dan ketenangan hidup.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang bentuk-bentuk hubungan pasca konversi Saudara Muslim dan komuniti bukan Muslim di Terengganu, jelas menunjukkan hubungan yang tegang merupakan bentuk yang paling banyak ditemui dalam fenomena kehidupan komuniti mualaf. Proses hubungan Saudara Muslim dan non Muslim merujuk kepada proses pembinaan semula pemikiran, tingkah laku dan juga amalan. Dalam perihal ini, polemik Saudara Muslim dan non Muslim adalah disebabkan isu-isu tentang budaya, salah faham beragama. Sesungguhnya, kemelut yang tidak diingini yang telah berlaku dalam konteks hubungan Saudara Muslim dengan ahli keluarga bukan Muslim memperlihatkan

tipisnya hubungan antara agama adalah berpunca dari kurangnya memahami perbezaan yang wujud dalam agama orang lain. Biarpun begitu, hasil kajian menunjukkan bahawa wujud dalam kalangan responden merasa optimis bahawa hubungan kurang konflik atau saling membina dilihat begitu relevan dalam kehidupan masyarakat majmuk di negeri ini khususnya apabila komuniti ini bertembung dengan anutan, bangsa, budaya dan adat resam yang pelbagai rencam. Ini dibuktikan apabila responden mengakui bahawa penglibatan dalam aktiviti kehidupan bersama yang dikenali sebagai ‘dialog kehidupan’ ini melahirkan sikap memahami dan menghargai perbezaan, mengikis prejudis dan salah faham dalam beragama. Dengan itu, faktor pemahaman dan sikap responden terhadap dialog kehidupan menjadi tunggak utama dalam menjana persefahaman dalam komuniti yang berbeza agama dan budaya di negeri Terengganu. Justeru itu, pemahaman terhadap perbezaan agama melalui pendekatan dialog antara agama dapat membantu merungkai permasalahan sedia ada, lantas ianya menjadi lebih fokus dan holistik.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS (FP025.2013B) di bawah Universiti Malaya, Kuala Lumpur kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

## RUJUKAN

- [1] Abdul Halim L.A.R., (2012). Temu bual. Pengetua Kompleks Darul Hidayah (Pusat Latihan Saudara Baru) pada pukul 9.00 pagi pada 26 Mac 2012 di Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu (MAIDAM), Terengganu.
- [2] Ahmad Sunawari L., (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- [4] Creswell, J., (2005). *Educational Research - Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative (2nd Ed)*. University of Nebraska - Lincoln: Pearson Education International.

- [6] Giddens, A., (1990). *The consequences of modernity*. Stanford: Stanford University.
- [7] Idris A., Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam (2009). Shah Alam:Kamil & Shakir Sdn Bhd.
- [9] Lam, J., (2005). *Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts in Malaysia*. Singapore: Southeast Asian Studies Programme National University of Singapore.
- [10] Mohamed Azam M.A. (2006). Undang-Undang Atau Bidang Kuasa?. *Utusan Malaysia*, 10 Dis 2006.
- [13] Mokhtar I., (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- [15] Mohd Syukri Y. & Osman A., (2003). The Problem of Mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*. Jil. 24, 65-84.
- [16] Mujibu A. M., (2012). “Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia”, *Jurnal Sosiohumanika*, 5(2), (2012):239-252.
- [17] Nurulhuda, C. A., & Ramlee, M., (2009). Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2), 143 - 165.
- [18] Osman A. & Abdul S., Muhamad S., (2008). *Muslim Converts in Malaysia*. Kuala Lumpur: UIAM.
- [19] Osman A. @ Chuah H. L. (1997). Interaction and integration of Chinese Muslims with their Malay counterparts in Selangor. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya.
- [21] Rahimin A. , Mohd Anuar R., Paizah I. dan Nor Hayati M. D., (2011). Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek Di Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*. 29:2, 91-110.
- [23] Wang, R. M., (2005a): “Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia”, *Asian Ethnicity Journal*. Vol. 6, No.2, 89-107.



- [24] Wang, R. M., (2005b). Ethnicization of Islam in Malaysia and Its Effect On The Malaysian Chinese Muslims. *First International Conference of The Asian Philosophical Association. The Vision of The Asian Community*. 29 September – 2 Oktober Istanbul, Turkey. Pages 289-298.
- [25] Sabastian, R & Parameswaran A., (2007). Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas. *Journal of Contemporary Religion* Volume 22, Issue 3. 341-359.
- [27] Suraya S., (2012). Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru. (Tesis Phd Universiti Malaya).
- [28] Suraya S., & □□□Khadijah M. K., (2012). “Saudara Baru Dan Peranannya Dalam Arena Dialog Antara Agama.” *Makalah Seminar Pemikiran Islam III, Sudut Pandangan Islam Dalam Diskusi Sesama Muslim, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiri Malaya*, 92-94.
- [30] Wan Norhasniah W. H., (2012). “Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban.” Tesis kedoktoran Universiti Malaya.
- [31] Temu bual Resp # 1 (etnik) - Resp # 20 (etnik) dijalankan mengikut keselesaan dan pilihan responden sendiri sama ada di pusat latihan Saudara Baru Kompleks Darul Hidayah, Pejabat Darul Fitrah (Badan NGO Saudara Baru) atau di kediaman responden antara 9 Okt. 2012 – 12 Disember 2012.